



Keadaan banjir kilat di kawasan Taman Nirwana.



Air longkang melimpah lerana tidak dapat menampung aliran air yang banyak.



Keadaan banjir yang menjejaskah rumah Thomas.

Terburuk dalam sejarah

Banjir kilat paling teruk jejas Taman Nirwana dan Kampung Melayu Ampang

■ HIDAYAH HAIROM

AMPANG - "Inilah kejadian banjir terburuk dalam sejarah sepanjang 28 tahun menghuni di Taman Nirwana," demikian reaksi Penasihat Persatuan Penduduk, M Thomas berhubung banjir kilat yang berlaku di kawasan itu, berikutan hujan lebat petang kelmarin.

Menurutnya, air mula naik dalam tempoh 10 minit ketika hujan lebat kira-kira jam 4 petang, mengakibatkan 16 kediaman terjejas.

"Ini bukan perkara baru, tetapi telah berlaku sejak 12 tahun lalu. Namun kali ini ia lebih teruk dan terburuk.

"Tujuh taman di sini menggunakan aliran sama. Longkang yang ada tak mampu menampung aliran yang banyak," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurutnya, ia juga berpunca daripada tindakan pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang menutup saluran air di situ.

Katanya, ia dibuat tanpa sebarang perbincangan dengan penduduk dan sekatan itu perlu dibuka kerana ia memburukkan lagi keadaan.

"Pada Mei lalu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan, Iskandar Abdul Samad masa

itu telah mengarahkan MPAJ melakukan pelan strategik berhubung saluran air bagi semua taman terlibat, tapi tiada tindakan," katanya.

Justeru katanya, selari dengan pelantikan menteri besar baharu, dia berharap perubahan dapat dilakukan bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Kita mahu lihat perubahan yang boleh dibuat Mohamed Azmin Ali dalam pentadbiran baru," katanya.

Dalam kejadian itu, bahagian dalam rumahnya turut dinaiki air mengakibatkan kerosakan beberapa perkakasan dalam rumah yang tidak sempat diselamatkan.

Sebuah tadika turut menerima nasib sama, dan terdapat kediaman yang mengalami litar pintas ekoran barangan elektrik yang turut terjejas dalam banjir kilat.

Berikutan kejadian itu, mereka yang terlibat menuntut agar MPAJ bertanggungjawab dan memberi ganti rugi.

Kampung Melayu Ampang turut terjejas

Kira-kira empat rumah di Kampung Melayu Ampang, terletak di belakang Dewan Dato Ahmad Razali, turut terjejas banjir.

Salah seorang penduduk, Idrus Yaakob, 57, berkata, masalah timbul sejak hampir setahun kerana kegagalan sistem perparitan berfungsi dengan baik.

Menurutnya, aduan kepada MPAJ telah dibuat ber-



KHATIJAH

ulang kali namun tiada penambahbaikan berlaku.

"Ada dimaklumkan yang ia berpunca dari longkang utama di Jalan Ampang di bawah tanggungjawab JKR. JKR pun ada buat pembersihan baru-baru ini, tapi masalah tetap berulang sebab penyelenggaraan tak berterusan.

"Aliran air tak sepatutnya lalu kawasan sini dan terus ke sungai, tapi jadi sebaliknya. Kamilah yang terpaksa terima padahnya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, MPAJ perlu mengambil tindakan jangka panjang termasuk menaik taraf longkang utama yang telah berusia lebih 30 tahun.

"Kami keluar duit sendiri RM2,000 untuk buat palang di Jalan Pinang tiga bulan lepas nak atasi masalah. Tembok longkang di Jalan Cengal pun ditinggikan, tapi masalah masih tak selesai," katanya.

Seorang lagi penduduk, Khatijah Isnin, 63, bimbang banjir kilat itu menjejaskan struktur tanah.



IDRUS

"Sebab itulah mak cik bina tembok elak air masuk rumah. Tapi setiap kali naik air, terpaksa bersihkan kawasan rumah," katanya.

MPAJ lantik konsultan

Sementara itu, kapasiti hujan yang tinggi menyebabkan kejadian banjir kilat tidak dapat dielakkan meskipun beberapa siri naik taraf saluran bagi mengatasi masalah telah diambil MPAJ.

Pemangku Yang Dipertuanya, Abdul Hamid Hussain berkata, kira-kira RM1 juta telah dibelanjakan menerusi lima projek yang dibuat sejak lapan tahun lalu di Taman Nirwana, namun tidak mampu menampung aliran air yang naik mendadak dalam kejadian kelmarin.

Bagaimanapun pihaknya mengambil perhatian masalah berkenaan dan akan melihat semula struktur saluran.

"Kita akan lihat keperluan untuk perbanyakkan lagi ataupun membesarkan saluran, termasuk mendalamkan struk-



ABDUL HAMID

tur longkang bagi menampung kapasiti air yang banyak.

"Pelantikan konsultan juga akan dibuat dalam masa terdekat untuk kajian dan cadangan tindakan di situ. Sekiranya cadangannya mampu dibuat menerusi peruntukan MPAJ, kita akan segerakan. Namun sekiranya melibatkan kos yang besar, kita akan mohon peruntukan kepada kerajaan negeri," katanya.

Mengenai kejadian di Taman Melayu Ampang, beliau berkata, ia berpunca daripada sekatan aliran di longkang Jalan Ampang.

"Pembersihan berkala akan dibuat. Bagaimanapun saiz longkang yang ada adalah mencukupi," katanya.

Mengulas tentang isu ganti rugi pula katanya, MPAJ tidak memperuntukkan pampasan untuk banjir kilat, melainkan bantuan pembersihan.

"Namun jika ada tuntutan ganti rugi, mungkin di pejabat daerah, mahupun JKMM atau dapatkan bantuan melalui Adun," katanya.



Air naik di kediaman yang terletak di belakang Dewan Dato Ahmad Razali, Kampung Melayu Ampang.